

08 AUG 1997

ADA PIHAK TIDAK SENANG DENGAN KEJAYAAN NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada pihak di negara ini yang tidak senang dengan kejayaan yang dikecapi dan mahu menimbulkan keadaan untuk memecah belahkan orang Islam.

Perdana Menteri berkata umat Islam di negara ini harus sentiasa berwaspada terhadap pihak berkenaan kerana jika mereka berpecah negara akan menjadi kucar kacir hingga menjejaskan ekonomi.

"Ekonomi yang kukuh penting kerana kekayaan memberi kekuatan kepada kita sementara ilmu dapat membantu membangunkan negara," katanya pada majlis konsert amal dan makan malam sempena lawatan kanak-kanak Palestin ke negara ini.

Sehubungan itu beliau mengingatkan rakyat pentingnya kerja keras dan mempelajari ilmu dan berusaha membangunkan negara.

Dr Mahathir kesal kerana umat Islam di negara lain berpecah belah dan bergaduh sesama sendiri dan memberi peluang kepada musuh untuk menindas mereka.

Katanya yang lebih kesal lagi ada umat Islam yang ditindas tidak dapat dibantu oleh negara Islam lain kerana terhutang budi dengan bantuan daripada orang yang sebenarnya musuh orang Islam.

Dr Mahathir yang juga penaung Malam Gema Irama Palestin turut menerima sumbangan kewangan RM100,000 masing-masing daripada tiga syarikat besar di negara ini.-- BERNAMA

ARA WAT